هوڠ ليوڠ م.س.أ.ج. تكافل

Hong Leong MSIG Takaful

# HLMT DANA BERKAITAN-PELABURAN

Laporan Prestasi Dana
bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019

# Kandungan


| | Muka surat |
|---|---|
| Utusan Ketua Pegawai Eksekutif | 1 |
| Objektif Dana | 2 |
| Ulasan Pelaburan | |
| Dana HLMT i-Balanced | 3 - 5 |
| Dana HLMT i-Income | 6 - 8 |
| Dana HLMT i-Equity | 9 - 11 |
| My Steady 10 Plan | 12 - 13 |
| Pasaran Ekuiti dan Pendapatan Tetap | 14 - 16 |
| Tinjauan Pelaburan | 17 - 18 |
| Maklumat Kewangan | |
| Penyata Aset dan Liabiliti | 19 - 22 |
| Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan | 23 - 24 |
| Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih | 25 - 26 |
| Nota-nota kepada Maklumat Kewangan | 27 - 36 |
| Penyata Pengurus | 37 |
| Laporan Juruaudit Bebas | 38 - 41 |

# UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kepada Semua Pemegang Sijil yang Dihargai,

Kami dengan sukacitanya membentangkan kepada anda laporan prestasi dana Hong Leong MSIG Takaful Berhad (HLMT) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019. Dana berkaitan pelaburan kami ialah Dana HLMT i-Balanced, Dana HLMT i-Income, Dana HLMT i-Equity dan MY Steady 10 Plan.

Kami memulakan tahun kewangan ini dengan nada yang agak mencabar. Pelabur pasaran dalam negeri menyesuaikan diri dengan landskap politik baharu selepas keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 yang mengejutkan. Pelarasan dasar kerajaan baharu mengakibatkan infrastruktur utama dan projek kerajaan dikaji semula, sama ada ditamatkan atau ditangguhkan; harga jalur lebar diturun lebih daripada 30% dan upah minimum disemak semula dengan kenaikan sebanyak 10-20% kepada RM1,100 sebulan berkuat kuasa 1 January 2019. Keputusan daripada semakan dasar dijangka akan menyebabkan perolehan ditetapkan semula bagi korporat Malaysia kepada asas yang lebih rendah pada 2019. Di tempat lain, sentimen pelabur juga dibebani oleh pertelingkahan dagangan antara AS dan China serta pertumbuhan global yang perlahan. Pasaran pada mulanya menyaksikan perang dagangan sebagai satu cemuhan AS kepada China sebelum dikejutkan dengan levi pertama sebanyak 25% yang dikenakan oleh AS ke atas $50b nilai eksport dari China. Ini berlaku pada bulan Julai 2018.

Rali yang menunjukkan kelegaan dapat dilihat pada awal tahun 2019 selepas gencatan dagangan sementara untuk menangguhkan kenaikan tarif yang lebih tinggi pada January 2019 serta Fed yang kurang agresif. Walaupun perolehan korporat yang lemah masih menguasai sentimen pelabur, indeks tempatan terus meningkat secara stabil disokong oleh aliran masuk dana asing sebanyak RM1b pada January 2019 yang sebahagiannya disebabkan oleh Ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan US$. Malaysia juga mengumumkan pertumbuhan KDNK 4Q18 yang lebih kukuh daripada jangkaan pada 4.7%, namun malangnya angka pertumbuhan ini tidak diterjemahkan kepada perolehan korporat yang lebih baik. Antara kebimbangan lain yang ditunjukkan oleh para pelabur ialah potensi penurunan taraf bon Malaysia dalam Indeks Bon Kerajaan Sedunia FTSE Russell dan wajaran Malaysia yang lebih rendah dalam indeks MSCI EM memandangkan China akan mempunyai perwakilan yang lebih tinggi dalam indeks tersebut. Dengan mengambil kira semua ini, kami akan terus kekal defensif bagi tahun kewangan akan datang dan mengambil peluang dalam potensi turun naik pasaran untuk terus mengemudi pasaran dalam membina portfolio dana yang mantap.

Akhir kata, kami akan terus komited untuk berusaha dalam menyampaikan produk dan perkhidmatan terbaik untuk memperkayakan perlindungan hayat anda. Tahun kewangan 2019/2020 akan menjadi tempoh kemajuan untuk HLMT kerana kami melaksanakan pelbagai inisiatif dan strategi dalam usaha kami untuk mengembangkan perniagaan kami. Kami dengan ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kami atas sokongan berterusan anda kepada HLMT dan terima kasih kerana memilih HLMT sebagai penyedia Takaful pilihan anda. Kami tidak sabar untuk bersama-sama membina lebih banyak kejayaan pada 2019/2020.

**Mohd Asri Omar**
Ketua Pegawai Eksekutif

## OBJEKTIF DANA

Dana HLMT i-Balanced bertujuan untuk mencapai pendapatan tetap serta pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang melalui pelbagai portfolio pelaburan patuh Shariah yang mengandungi ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap.

Dana HLMT i-Income bermatlamat memelihara modal serta mencapai aliran pendapatan tetap melalui portfolio pelaburan yang sebahagian besarnya merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan sebahagian kecil dalam sekuriti ekuiti patuh Shariah.

My Steady 10 Plan merupakan satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang patuh Shariah. Dana ini membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan dengan kadar indikatif sebanyak 44.20% dan jumlah modalnya dilindungi apabila matang pada akhir tempoh 10 tahun. Aset-aset utamanya adalah tertakluk kepada kadar Shariah.

Dana HLMT i-Equity bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang menerusi pelaburan patuh Shariah dalam sekuriti syarikat yang tersenarai.

## ULASAN PELABURAN

### DANA HLMT i-BALANCED

Bagi tahun kewangan di bawah semakan, dana melaburkan hampir 34.8% dalam sekuriti patuh Syariah dan 35.31% lagi dilaburkan dalam bon Islam. Kami akan meningkatkan wajaran ekuiti secara beransur-ansur – lebih kepada memilih syarikat yang menghasilkan dividen yang bertahan serta syarikat yang mempunyai kepastian perolehan. Saham yang menyumbang kepada peningkatan prestasi termasuklah Axis Reit, Time Dotcom dan Syarikat Takaful. Sentimen dalam pasaran ekuiti terus dikuasai oleh aliran berita mengenai rundingan dagangan AS-China. Walaupun kemajuan terlihat pada Jun 2019 selepas mesyuarat G20, perjanjian dagangan masih tidak terang. Di pasaran dalam negeri, perolehan korporat yang lemah dan aliran keluar dana asing bersih terus membebani prestasi pasaran ekuiti tempatan.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.25% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan dikenakan kepada atas Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 Jun 2019
Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



## ULASAN PELABURAN

### DANA HLMT i-BALANCED (SAMB.)

| Prestasi Dana | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **2019** | **2018** | **2017** | **2016** | **2015** |
| Jumlah NAB (RM) ('000) | 16,004 | 5,930 | 6,629 | 6,249 | 6,023 |
| Bilangan unit ('000) | 12,078 | 4,734 | 4,715 | 4,877 | 4,791 |
| NAB per unit (RM) | 1.3251 | 1.2527 | 1.4059 | 1.2814 | 1.2571 |
| NAB per unit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.3251 | 1.4772 | 1.4059 | 1.2814 | 1.2598 |
| NAB per unit terendah sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.2494 | 1.2523 | 1.2916 | 1.2410 | 1.2144 |
| Jumlah pulangan tahunan dana<br>- Pertumbuhan modal<br>(Nota 1) | 5.82% | -10.93% | 9.75% | 1.91% | 2.95% |
| Purata pulangan tahunan - Dana | | | | | |
| - 1 tahun | 5.82% | -10.93% | 9.75% | 1.91% | 2.95% |
| - 3 tahun | 1.14% | -0.13% | 4.81% | 2.86% | 4.23% |
| - 5 tahun | 1.65% | 1.25% | 4.84% | 3.31% | 3.69% |
| Purata pulangan tahunan<br>- Penanda aras<br>(50% FBM ESI + 50% SD) | | | | | |
| - 1 tahun | 1.77% | -1.44% | 4.41% | 0.79% | -3.58% |
| - 3 tahun | 1.55% | 1.35% | 0.72% | 1.00% | 3.11% |
| - 5 tahun | 0.49% | 1.37% | 3.12% | 2.74% | 4.69% |

**Nota 2**

| Prestasi Dana | | |
|---|---|---|
| **Nota tambahan** | **2019** | **2018** |
| Jumlah pulangan tahunan dana<br>- Pertumbuhan modal | 2.95% | -0.82% |
| Purata pulangan tahunan - Dana | | |
| - 1 tahun | 2.95% | -0.82% |
| - 3 tahun | 3.61% | 2.82% |
| - 5 tahun | 2.63% | 2.54% |

*Nota:*
*Pelarasan yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa kemasukan tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.*

# ULASAN PELABURAN

## DANA HLMT i-BALANCED (SAMB.)

| Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 | 2015 |
| Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia | 34.79 | 52.66 | 43.41 | 22.94 | 24.22 |
| Bon Islam tidak disebutharga | 35.32 | 47.34 | 40.21 | 62.30 | 63.75 |
| Deposit dengan institusi kewangan Islam | 29.89 | - | 16.38 | 14.76 | 12.03 |
| Jumlah | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

| Komposisi ekuiti dan unit amanah mengikut sektor | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 | 2015 |
| Perdagangan/Perkhidmatan | 42.30 | 51.92 | 41.36 | 54.61 | 45.88 |
| Barangan Industri | 19.56 | 13.23 | 18.88 | 9.92 | 22.18 |
| Perladangan | 1.94 | 0.91 | 6.53 | 5.63 | 2.89 |
| Pembinaan | 4.71 | 3.42 | 5.78 | 2.48 | 6.28 |
| Hartanah | 5.08 | 6.86 | 9.25 | 6.14 | 11.20 |
| Barangan Pengguna | 0.96 | 7.69 | 1.97 | 12.96 | 11.57 |
| Teknologi | 1.62 | 1.43 | - | - | - |
| Infrastruktur | 9.72 | 9.57 | 10.48 | 6.79 | - |
| REITS | 8.59 | 3.12 | 3.43 | 1.47 | - |
| Kewangan | 5.52 | 1.85 | 2.32 | - | - |
| Jumlah | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

| Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 | 2015 |
| Kerajaan | - | 33.42 | - | - | - |
| Agensi Kerajaan | - | - | - | - | - |
| Barangan Pengguna | - | - | - | - | - |
| Kewangan | 56.11 | 33.61 | 89.32 | 92.13 | 92.11 |
| Pembinaan | 43.89 | 32.97 | 10.68 | 7.87 | 7.89 |
| Jumlah | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

# ULASAN PELABURAN

## DANA HLMT i-INCOME

Bagi tahun kewangan di bawah semakan, Dana dilaburkan sepenuhnya ke dalam bon Islam yang memberikan hasil yang lebih tinggi berbanding dengan Deposit Tetap. Dana telah melabur 67.1% dalam Bon Islam Korporat manakala 32.9% dilaburkan dalam Aset Risiko Rendah.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan dikenakan kepada Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 Jun 2019
Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



## ULASAN PELABURAN

### DANA HLMT i-INCOME (SAMB.)

| Prestasi Dana | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **2019** | **2018** | **2017** | **2016** | **2015** |
| Jumlah NAB (RM) ('000) | 3,842 | 3,270 | 3,407 | 3,268 | 3,120 |
| Bilangan unit ('000) | 2,479 | 2,338 | 2,257 | 2,261 | 2,263 |
| NAB per unit (RM) | 1.5499 | 1.3986 | 1.5096 | 1.4454 | 1.3785 |
| NAB per unit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.5499 | 1.5420 | 1.5099 | 1.4454 | 1.3785 |
| NAB per unit terendah sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.4091 | 1.3983 | 1.4566 | 1.3810 | 1.3103 |
| Jumlah pulangan tahunan dana<br>- Pertumbuhan modal<br>(Nota 1) | 10.62% | -7.35% | 4.47% | 4.79% | 5.91% |
| Purata pulangan tahunan - Dana | | | | | |
| - 1 tahun | 10.62% | -7.35% | 4.47% | 4.79% | 5.91% |
| - 3 tahun | 2.30% | 0.47% | 5.06% | 4.51% | 5.53% |
| - 5 tahun | 3.51% | 2.01% | 5.17% | 4.83% | 4.72% |
| Purata pulangan tahunan<br>- Penanda aras<br>(20% FBM ESI + 80% SD) | | | | | |
| - 1 tahun | 2.59% | 1.17% | 3.48% | 1.85% | 0.04% |
| - 3 tahun | 2.41% | 2.36% | 2.15% | 1.99% | 2.85% |
| - 5 tahun | 2.04% | 2.42% | 3.13% | 2.68% | 3.44% |

**Nota 2**

| Prestasi Dana | | |
|---|---|---|
| **Nota tambahan** | **2019** | **2018** |
| Jumlah pulangan tahunan dana<br>- Pertumbuhan modal | 7.37% | 3.08% |
| Purata pulangan tahunan - Dana | | |
| - 1 tahun | 7.37% | 3.08% |
| - 3 tahun | 4.68% | 3.55% |
| - 5 tahun | 4.60% | 3.45% |

*Nota:*
*Pelarasan yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa kemasukan tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.*

## ULASAN PELABURAN

### DANA HLMT i-INCOME (SAMB.)

| Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 | 2015 |
| Bon Islam tidak disebutharga | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 88.28 | 100.00 |
| Deposit dengan institusi kewangan Islam | - | - | - | 11.72 | - |
| Jumlah | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

| Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 | 2015 |
| Kerajaan | 16.46 | 21.85 | 13.99 | - | - |
| Agensi Kerajaan | 16.53 | 13.73 | - | 16.28 | 14.98 |
| Telekomunikasi | 6.17 | - | - | - | - |
| Infrastruktur | 22.22 | 24.59 | 25.11 | - | - |
| Kewangan | 38.62 | 39.83 | 60.9 | 70.27 | 72.68 |
| Pengangkutan | - | - | - | 13.45 | 12.34 |
| Jumlah | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

# ULASAN PELABURAN

**DANA HLMT i-EQUITY**

Secara purata sepanjang tahun di bawah semakan, Dana telah melaburkan hampir 70%. Dana terus cenderung melabur dalam indeks Syariah dengan saham teras dalam portfolio seperti Axis Reit, Time Dotcom dan Syarikat Takaful. Kami akan terus meningkatkan wajaran ekuiti secara beransur-ansur, mengambil kesempatan daripada sebarang potensi jualan di pasaran semasa tempoh ketidakpastian masa ini. Kami kekal lebih kepada memilih saham yang menghasilkan dividen (dalam persekitaran kadar faedah yang rendah sekarang) dan syarikat dengan kepastian perolehan. Kami juga mempunyai beberapa nama pembinaan dalam portfolio kerana kami dapati kerajaan membuat lebih pelarasan ke arah dasar pertumbuhan untuk membantu merangsang ekonomi dalam negeri.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% dikenakan kepada Dana pada tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 Jun 2019
Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



# ULASAN PELABURAN

## DANA HLMT i-EQUITY (SAMB.)

| Prestasi Dana | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **2019** | **2018** | **2017** | **2016** | **2015** |
| Jumlah NAB (RM) ('000) | 27,895 | 16,062 | 15,264 | 12,763 | 2,808 |
| Bilangan unit ('000) | 23,260 | 14,096 | 12,631 | 11,315 | 2,443 |
| NAB per unit (RM) | 1.1993 | 1.1395 | 1.2084 | 1.1280 | 1.1492 |
| NAB per unit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.1993 | 1.2805 | 1.2596 | 1.1280 | 1.1960 |
| NAB per unit terendah sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.1090 | 1.1166 | 1.1414 | 1.1040 | 1.1488 |
| Jumlah pulangan tahunan dana<br>- Pertumbuhan modal<br>(Nota 1) | 2.96% | -5.70% | 7.13% | -1.83% | -2.71% |
| Purata pulangan tahunan - Dana | | | | | |
| - 1 tahun | 2.96% | -5.70% | 7.13% | -1.83% | -2.71% |
| - 3 tahun | 2.25% | -0.28% | 0.77% | 1.43% | n/a |
| - 5 tahun | 0.50% | 1.06% | n/a | n/a | n/a |
| Purata pulangan tahunan<br>- Penanda aras<br>(80% FBM ESI + 20% SD) | | | | | |
| - 1 tahun | -1.43% | -4.02% | 5.24% | -0.10% | -6.66% |
| - 3 tahun | -0.15% | 0.31% | -0.61% | 0.00% | n/a |
| - 5 tahun | -1.46% | 0.32% | n/a | n/a | n/a |

**Nota 2**

| Prestasi Dana | | |
|---|---|---|
| **Nota tambahan** | **2019** | **2018** |
| Jumlah pulangan tahunan dana<br>- Pertumbuhan modal | 2.96% | -5.43% |
| Purata pulangan tahunan - Dana | | |
| - 1 tahun | 2.96% | -5.43% |
| - 3 tahun | 2.25% | 0.96% |
| - 5 tahun | 0.50% | 1.48% |

*Nota:*

*Pelarasan yang timbul daripada perbezaan masa dalam pengiktirafan perbelanjaan yuran telah diambil kira dalam FYE 2017/18 yang menghasilkan pulangan yang tidak menguntungkan ke atas prestasi Dana seperti yang ditunjukkan dalam Nota 1 di atas. Walau bagaimanapun, pelarasan ini tidak memberi kesan kepada prestasi sebenar Dana yang digunakan dalam harga yang diterbitkan untuk peruntukan unit. Pelarasan yang disebutkan ini hanyalah pelaporan buku untuk membetulkan perbezaan masa kemasukan tersebut. Dalam perbandingan yang normal, prestasi Dana sebenar berdasarkan harga yang diterbitkan adalah menurut Nota 2.*

# ULASAN PELABURAN

## DANA HLMT i-EQUITY (SAMB.)

| Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 | 2015 |
| Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia | 70.41 | 75.97 | 82.05 | 50.27 | 62.53 |
| Deposit dengan institusi kewangan Islam | 29.59 | 24.03 | 17.95 | 49.73 | 37.47 |
| Jumlah | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

| Komposisi ekuiti dan unit amanah mengikut sektor | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2019 | 2018 | 2017 | 2016 | 2015 |
| Perdagangan/Perkhidmatan | 42.40 | 50.30 | 47.73 | 53.65 | 66.99 |
| Hartanah | 4.95 | 7.84 | 7.19 | 4.00 | 11.49 |
| Pembinaan | 5.63 | 4.09 | 8.80 | 2.31 | 7.33 |
| Infrastruktur | 10.02 | 9.47 | 6.08 | 11.46 | 4.21 |
| Perladangan | 2.16 | 2.38 | 2.53 | 13.79 | 4.76 |
| Barangan Pengguna | 1.46 | 5.74 | 1.11 | 3.03 | 5.22 |
| Kewangan | 6.18 | 2.67 | 2.33 | 0.38 | - |
| Teknologi | 2.75 | 2.99 | 5.25 | 3.86 | - |
| Barangan Industri | 16.55 | 11.77 | 16.87 | 7.52 | - |
| REITS | 7.90 | 2.75 | 2.11 | - | - |
| Jumlah | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

ULASAN PELABURAN

## MY STEADY 10 PLAN

MY Steady 10 Plan, satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang mematuhi Syariah, membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan pada kadar indikatif sebanyak 44.20% dan modalnya dilindungi apabila matang pada akhir 10 tahun. Aset rujukan asas tertakluk kepada kadar Islam.

Tiada caj yang dikenakan ke atas dana ini sepanjang tahun kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun kewangan ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada 30 Jun 2019
Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan



## ULASAN PELABURAN

### MY STEADY 10 PLAN (SAMB.)

| Prestasi Dana | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **2019** | **2018** | **2017** | **2016** | **2015** |
| Jumlah NAB (RM) ('000) | 4,133 | 3,959 | 3,816 | 3,677 | 3,565 |
| Bilangan unit ('000) | 2,915 | 2,915 | 2,915 | 2,915 | 3,013 |
| NAB per unit (RM) | 1.4179 | 1.3582 | 1.3093 | 1.2614 | 1.1833 |
| NAB per unit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.4179 | 1.3582 | 1.3093 | 1.2614 | 1.2541 |
| NAB per unit terendah sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.3638 | 1.3126 | 1.1662 | 0.9340 | 1.1556 |
| Jumlah pulangan tahunan dana<br>- Pertumbuhan modal | 4.75% | 3.74% | 3.83% | 6.59% | 5.62% |
| Purata pulangan tahunan - Dana | | | | | |
| - 1 tahun | 4.75% | 3.74% | 3.83% | 6.59% | 5.62% |
| - 3 tahun | 4.10% | 4.71% | 5.34% | 4.75% | 5.76% |
| - 5 tahun | 4.90% | 4.36% | 5.54% | 4.75% | n/a |
| Purata pulangan tahunan<br>- Penanda aras<br>(60 month NIDC) | | | | | |
| - 1 tahun | 2.43% | 2.43% | 3.27% | 3.38% | 2.91% |
| - 3 tahun | 2.71% | 3.02% | 3.19% | 3.25% | 3.17% |
| - 5 tahun | 2.88% | 3.09% | 3.23% | 3.22% | n/a |

| Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Wajaran % | | | | |
| | **2019** | **2018** | **2017** | **2016** | **2015** |
| Pelaburan Berstruktur | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

# ULASAN PELABURAN

## Pasaran Ekuiti

**Indeks FTSE Malaysia Emas Shariah (1 Julai 2018 – 30 Jun 2019)**




*Sumber: Bloomberg*

Dalam separuh pertama tempoh kewangan di bawah semakan, pasaran tempatan kekal lembap disebabkan sentimen yang lemah berikutan perubahan dalam pentadbiran baharu selepas Pilihan Raya Umum ke-14. Perubahan ini termasuk pembaharuan dasar yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif serta ketelusan yang lebih baik dalam sektor korporat. Ini juga telah menyebabkan jualan asing yang berterusan di samping pelabur tempatan tidak mengambil bahagian walaupun pada awalnya positif sementara menunggu langkah dan dasar fiskal terkini yang lebih jelas daripada kerajaan. Pasaran global juga dibebani dengan perang dagangan AS-China yang meletus secara rasminya pada Julai 2018, rentak kenaikan kadar faedah oleh Fed yang nampaknya agresif dan lekuk hasil yang mendatar. Turun naik harga minyak juga mencetuskan ketidaktentuan kepada ekonomi yang pada awalnya berada pada trajektori menaik - menyentuh paras tertinggi pada US$86 setong pada bulan Oktober sebelum menjunam kepada US$54 setong.

Walau bagaimanapun, sentimen tempatan seiring dengan pasaran serantau berubah menjadi lebih baik pada permulaan 2019. Ini berikutan gencatan dagangan selama 90 hari yang dibuat pada sidang kemuncak G20 di Buenos Aires dan perubahan nada Fed yang menjadi lebih “sabar” dalam menaikkan kadar. Sementara itu, sentimen pelabur pasaran dalam negeri bertambah baik berikutan keputusan kerajaan untuk melaksanakan semula ECRL (dengan kos yang lebih rendah pada RM44b) dan projek Bandar Malaysia yang menunjukkan bahawa kerajaan hampir menyelesaikan usaha rasionalisasi kos dan memberi tumpuan semula kepada rangsangan fiskal untuk melonjakkan ekonomi. Tindakan Bank Negara menurunkan kadar dasar semalaman sebanyak 25 bps pada bulan Mei untuk mengurangkan potensi kelemahan ekonomi dalam negeri tidak mampu meredakan rali di pasaran ekuiti tempatan.

# ULASAN PELABURAN

**Pasaran Ekuiti (samb.)**

Beberapa tanda positif muncul dalam urusan M&A apabila persaingan sengit memaksa syarikat untuk bergabung. Antara beberapa urusan yang diumumkan ialah Axiata dengan Digi, YTL Cement dengan Lafarge serta Hong Leong Asia dengan Tasek. Di samping itu, penjelasan daripada kerajaan mengenai industri yang dikawal selia seperti Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memacu saham rali memandangkan perubahan kawal selia ini membawa kesan yang kurang dalam melemahkan pasaran. Terdapat juga cadangan tawaran pembelian empat lebuh raya pada harga RM6.2b daripada kerajaan - iaitu Leburaya Damansara Puchong (LDP), Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT), Lebuhraya Shah Alam (Kesas) dan SMART Tunnel (SMART), pada kadar pasaran yang baik.

Indeks Syariah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.33% bagi tahun kewangan di bawah semakan untuk ditutup pada 12,132.94 mata. Indeks ini mengatasi prestasi KLCI yang menurun sebanyak 1.1%

# ULASAN PELABURAN

**Pasaran Pendapatan Tetap**

Bagi Pendapatan Tetap, pasaran bon tidak menentu sepanjang tahun kewangan di bawah semakan. Pasaran memulakan tahun kewangan dengan hasil bon dijangka meningkat seiring dengan kenaikan kadar dasar. Bagaimanapun, pasaran jelasnya menjadi bergelora apabila bank-bank pusat utama secara tidak diduga beralih daripada pendirian yang selama ini agresif kepada kecenderungan untuk bertindak secara kurang agresif. Fed telah menaikkan kadar faedah sebanyak dua kali dalam tahun kewangan di bawah semakan dan sejauh mana ia bersedia untuk menjurus kepada pendirian yang lebih akomodatif terus dipantau dengan teliti. Perang dagangan balas balik yang menjadi semakin buruk ditambah dengan keadaan keluk hasil yang terbalik, mencetuskan kebimbangan mendalam mengenai kemungkinan kemelesetan global yang segerak. Senario yang disebutkan di atas telah menyebabkan hasil global menurun secara berterusan dan spread kredit menjadi semakin sempit.

Tahun kewangan yang berakhir pada asas yang lemah dan peralihan kepada pelaburan yang selamat jelas menjadi tema menyeluruh yang bermula dengan peningkatan yang tidak dijangka dalam ketegangan dagangan antara AS dan China. Ini terjadi di sebalik kemajuan awal dalam rundingan dagangan apabila perjanjian nampaknya boleh dicapai. Di samping itu, keputusan perdana menteri Britain untuk meletak jawatan telah membangkitkan kebimbangan mengenai kesan buruk daripada Brexit tanpa perjanjian. Semua peristiwa ini telah menimbulkan kebimbangan tentang kelestarian perdagangan dan momentum pertumbuhan ekonomi semasa, seterusnya menyebabkan hasil menjadi lebih rendah secara keseluruhan.

Di pasaran dalam negeri, perubahan kerajaan yang tidak dijangka berikutan GE14 dan selepas itu banyak perubahan dasar dan ketidakpastian yang terhasil juga menjejaskan sentimen pelabur. Kebimbangan tentang kemungkinan penyemakan semula prospek dan penarafan berdaulat Malaysia mereda apabila agensi penarafan utama secara terbuka mengumumkan bahawa mereka akan mengekalkan penarafan Malaysia tidak berubah. Menjelang akhir tahun kewangan, berita tentang potensi pengecualian Sekuriti Kerajaan Malaysia daripada Indeks Bon Kerajaan Sedunia FTSE Russell telah menyebabkan jualan mendadak di pasaran bon apabila pelabur asing aktif menjual beberapa pelaburan ketika menjangkakan keputusan akhir oleh FTSE Russell. Selain itu, daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan telah terjejas berikutan Malaysia dimasukkan ke dalam senarai pemantauan AS sebagai pemanipulasi mata wang, di samping penurunan hasil selepas pemotongan OPR sebanyak 25 bps oleh BNM pada bulan Mei, dengan itu memburukkan tekanan daripada aliran keluar modal. Walau bagaimanapun, kebimbangan diredakan serba sedikit oleh inisiatif BNM baru-baru ini untuk meningkatkan kecairan dan akses pasaran, justeru, mengurangkan risiko pengecualian Malaysia daripada indeks penanda aras pada semakan seterusnya pada bulan September.

Selain daripada kuasa luaran yang disebut di atas, dinamik permintaan dan bekalan pasaran bon tempatan juga memainkan peranan penting yang membawa kepada hasil MGS menghampiri paras rendah dua tahun dan spread kredit yang semakin mengecil. Ketika kecairan dalam negeri kekal tinggi dan bekalan sekuriti hutang swasta terus menjadi kurang, kami mendapati pelabur pasaran institusi tempatan mula campur tangan untuk meredakan penjualan oleh pelabur pasaran asing pada masa yang tidak stabil.

# TINJAUAN PELABURAN

## Ekuiti

Pasaran global termasuk Malaysia dijangka akan kekal tidak stabil berikutan ketegangan dagangan AS-China yang semakin buruk di sebalik gencatan dagangan yang dilakukan di Jepun baru-baru ini. Kami tidak fikir resolusi boleh dicapai dalam jangka masa terdekat disebabkan isu utama pertikaian - hak harta intelek dan pemindahan teknologi. Pertikaian dagangan yang semakin buruk ini adalah negatif bagi ekonomi dunia kerana ia menangguhkan perbelanjaan pelabur dan perniagaan serta menyebabkan gangguan kepada rantaian bekalan global. Bank-bank pusat utama baru-baru ini mengisyaratkan pelonggaran yang menandakan perubahan kitaran kadar dasar kerana pendirian kurang agresif oleh bank pusat diperlukan bagi melaksanakan dasar monetari untuk melega serta mengurangkan risiko penurunan yang berpunca daripada faktor geopolitik dan perang dagangan.

Bagi Malaysia, sebagai sebuah ekonomi terbuka yang kecil, negara ini tidak akan terasing daripada ketegangan dagangan yang semakin meningkat. Berdasarkan anggaran BNM, tarif 25% ke atas baki dagangan dengan China dan tarif auto menyeluruh akan menyebabkan pertumbuhan KDNK Malaysia menurun sebanyak 0.9-1.1 ppt, dengan kesan dagangan AS-China menyumbang kira-kira separuh daripadanya. Dengan pembetulan yang dilihat pada indeks sejak beberapa bulan kebelakangan ini, penilaian kelihatan saksama berdasarkan pertumbuhan perolehan korporat yang lemah disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang lembap. Jangkaan adalah rendah dengan pelabur asing menjadi penjual bersih di pasaran sejak 2 tahun berturut-turut. Kami akan terus bertahan (memilih kepada pencapaian hasil), penerima manfaat berikutan kerajaan bertindak untuk membantu merangsang ekonomi dalam negeri serta pengeksport (disebabkan oleh potensi penyusutan nilai Ringgit).

## Pendapatan Tetap

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan global dan inflasi dijangka terus lembap. Di sesetengah negara, terutamanya di beberapa tempat di Eropah, hasil bon telah berubah menjadi negatif akibat campur tangan bank pusat untuk merangsang pertumbuhan. Sementara itu, di AS, data pengeluaran pembuatan dan perindustrian telah merosot ke arah penguncupan serta pasaran perumahan menjadi semakin lemah. Oleh itu, pedagang bon telah mengambil kira kelembapan ekonomi global yang ketara. Berikutan daripada itu, kadar Perbendaharaan AS 10 tahun dijangka akan kembali ke bawah 2%. Rundingan dagangan yang sedang berlangsung antara dua gergasi ekonomi akan terus memburukkan lagi kelembapan ekonomi global. Oleh itu, kami menjangkakan bahawa keluk hasil bon akan mendatar sehingga kecerahan timbul dalam rundingan dagangan. Sementara itu, pelabur serta pasaran bon akan bergantung pada data dan berita untuk hala tuju dan ini mungkin menyebabkan turun naik dalam hasil bon.

## TINJAUAN PELABURAN

**Pendapatan Tetap (samb.)**

Peralihan kepada pendirian kurang agresif oleh bank-bank pusat pasaran maju baru-baru ini dan risiko penurunan pertumbuhan akan membuka ruang untuk pelonggaran dasar di Malaysia. Sekiranya kelemahan terus wujud dalam ekonomi, kami tidak menolak kemungkinan sekali atau lebih penurunan kadar oleh BNM bagi tahun kewangan ini. Pada masa ini, hasil bon kerajaan tempatan adalah rendah tetapi kadar faedah negatif di tempat lain menjadikan bon kerajaan tempatan agak menarik bagi kebanyakan pelabur asing. Justeru, bon tempatan akan terus berprestasi seiring dengan pergerakan pasaran global namun ini tidak berguna sekiranya FTSE Russell mengeluarkan Malaysia daripada Indeks Bon Kerajaan Sedunia menjelang September 2019. Walau bagaimanapun, sekiranya ini berlaku, kami tidak bimbang kerana pasaran bon kerajaan Malaysia yang besar dan kecairan pasaran dalam negeri yang mencukupi akan membantu mengawal aliran keluar.

## MAKLUMAT KEWANGAN

## PENYATA ASET DAN LIABILITI
**PADA 30 JUN 2019**

| | Nota | HLMT i-Balanced RM | HLMT i-Income RM | HLMT i-Equity RM | My Steady 10 Plan RM |
|---|---|---|---|---|---|
| ASET | | | | | |
| Pelaburan: | | | | | |
| Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia | 4 | 5,298,697 | - | 19,123,297 | - |
| Bon Islam tidak disebutharga | 4 | 5,379,676 | 3,301,306 | - | - |
| Pelaburan berstruktur | 4 | - | - | - | 4,308,593 |
| Keuntungan terakru | | 55,639 | 49,534 | 2,182 | - |
| Deposit dengan institusi kewangan Islam | | 4,552,015 | - | 8,035,188 | - |
| Jumlah pelaburan | | 15,286,027 | 3,350,840 | 27,160,667 | 4,308,593 |
| Lain-lain asset: | | | | | |
| Cukai boleh diperolehi semula | | - | - | 26,582 | - |
| Amaun yang kena dibayar oleh Pengurus | | 10,996 | 341 | 57,280 | - |
| Pelaburan belum terima | | 8,162 | - | 30,692 | - |
| Lain-lain belum terima | | 514 | 250 | 3,066 | - |
| Tunai dan kesetaraan tunai | | 740,556 | 513,071 | 688,951 | - |
| Jumlah lain-lain aset | | 760,228 | 513,662 | 806,571 | - |
| JUMLAH ASET | | 16,046,255 | 3,864,502 | 27,967,238 | 4,308,593 |

# PENYATA ASET DAN LIABILITI
**PADA 30 JUN 2019 (SAMB.)**

| | HLMT i-Balanced RM | HLMT i-Income RM | HLMT i-Equity RM | My Steady 10 Plan RM |
|---|---|---|---|---|
| LIABILITI | | | | |
| Amaun yang kena dibayar kepada Pengurus | 15,180 | 2,912 | 31,404 | - |
| Liabiliti cukai tertunda | 16,564 | 12,390 | 41,311 | 95,568 |
| Peruntukan bagi cukai | 10,199 | 7,568 | - | 13,869 |
| Lain-lain belum bayar | - | - | - | 66,534 |
| JUMLAH LIABILITI | 41,943 | 22,870 | 72,715 | 175,971 |
| ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL | 16,004,312 | 3,841,632 | 27,894,523 | 4,132,622 |
| DIWAKILI OLEH | | | | |
| Nilai unit | 17,921,598 | 2,736,158 | 28,256,269 | 3,074,015 |
| (Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan | (1,917,286) | 1,105,474 | (361,746) | 1,058,607 |
| | 16,004,312 | 3,841,632 | 27,894,523 | 4,132,622 |
| Bilangan unit dalam pengiraan | 12,077,512 | 2,478,596 | 23,259,533 | 2,914,576 |
| Nilai aset bersih hak pemegang sijil per unit | 1.3251 | 1.5499 | 1.1993 | 1.4179 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini

# PENYATA ASET DAN LIABILITI
**PADA 30 JUN 2018**

| | HLMT i-Balanced RM | HLMT i-Income RM | HLMT i-Equity RM | My Steady 10 Plan RM |
|---|---|---|---|---|
| ASET | | | | |
| Pelaburan: | | | | |
| Sekuriti ekuiti Islam disebutharga di Malaysia | 3,334,612 | - | 10,767,014 | - |
| Bon Islam tidak disebutharga | 2,997,886 | 3,668,810 | - | - |
| Pelaburan berstruktur | - | - | - | 4,792,793 |
| Keuntungan terakru | 26,483 | 32,937 | 597 | - |
| Deposit dengan institusi kewangan Islam | - | - | 3,405,588 | - |
| Jumlah pelaburan | 6,358,981 | 3,701,747 | 14,173,199 | 4,792,793 |
| Lain-lain asset: | | | | |
| Cukai boleh diperolehi semula | 69,343 | 51,111 | 45,184 | - |
| Aset cukai tertunda | 4,672 | - | - | - |
| Pelaburan belum terima | 4,539 | - | 18,131 | - |
| Lain-lain belum terima | 51,324 | 250 | 2,128,057 | - |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 144,934 | 2,889 | 348,390 | - |
| Jumlah lain-lain aset | 274,812 | 54,250 | 2,539,762 | - |
| JUMLAH ASET | 6,633,793 | 3,755,997 | 16,712,961 | 4,792,793 |

# PENYATA ASET DAN LIABILITI
**PADA 30 JUN 2018 (SAMB.)**

| | HLMT i-Balanced RM | HLMT i-Income RM | HLMT i-Equity RM | My Steady 10 Plan RM |
|---|---|---|---|---|
| LIABILITI | | | | |
| Amaun yang kena dibayar kepada Pengurus | 704,255 | 351,391 | 616,336 | - |
| Liabiliti cukai tertunda | - | 1,352 | - | 94,304 |
| Peruntukan bagi cukai | - | - | 34,327 | - |
| Lain-lain belum bayar | - | 133,190 | - | 739,898 |
| JUMLAH LIABILITI | 704,255 | 485,933 | 650,663 | 834,202 |
| ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL | 5,929,538 | 3,270,064 | 16,062,298 | 3,958,591 |
| DIWAKILI OLEH | | | | |
| Nilai unit | 8,252,454 | 2,482,549 | 17,056,018 | 3,074,015 |
| (Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan | (2,322,916) | 787,515 | (993,720) | 884,576 |
| | 5,929,538 | 3,270,064 | 16,062,298 | 3,958,591 |
| Bilangan unit dalam pengiraan | 4,733,540 | 2,338,075 | 14,095,914 | 2,914,576 |
| Nilai aset bersih hak pemegang sijil per unit | 1.2527 | 1.3986 | 1.1395 | 1.3582 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini

# PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2019**

| | HLMT i-Balanced RM | HLMT i-Income RM | HLMT i-Equity RM | My Steady 10 Plan RM |
|---|---|---|---|---|
| Pendapatan pelaburan: | | | | |
| Keuntungan pelaburan | 186,288 | 167,892 | 197,158 | - |
| Pendapatan dividen | 94,312 | - | 343,363 | - |
